



PUKUK MINAT...Gan berkata sesuatu kepada bekas ratu trek, Datuk M Rajamani dan Mohammad Azlan (kiri).

Pameran foto hargai atlet negara ke Olimpik 2012

M. Azlan 19/7/12 MS 101

KUALA LUMPUR: Sebagai menghargai perjuangan atlet Malaysia yang menyertai Olimpik London 2012 mulai minggu depan, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) dengan kerjasama Bandar Raya Developments Berhad (BRDB) menganjurkan pameran foto bertemakan 'Malaysian Olympians' di Bangsar Shopping Centre di sini.

Pameran yang dibuka percuma kepada orang ramai itu berlangsung selama 26 hari sejak semalam dengan memaparkan 60 gambar yang diambil jurufoto NSTP serta artikel berkisarkan kejohanan Olimpik sejak 1956 lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Mohammad Azlan Abdullah berkata, penganjuran pameran terbabit adalah gabungan inisiatif pihaknya dan BRDB ke arah menyokong 30 atlet Malaysia yang bakal berentap dalam usaha mengharumkan nama negara di temasya sukan berprestij itu nanti.

"Pameran ini diharapkan mampu memberi inspirasi kepada orang ramai khususnya generasi muda yang berkeinginan membabitkan diri dalam arena sukan dan kami begitu mengalukan kunjungan semua pihak di pameran ini yang dibuka setiap hari dari jam 12 tengah hari hingga 9 malam," katanya pada majlis pelancaran pameran berkenaan, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif BRDB, Datuk S Jagan, Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar dan beberapa atlet Olimpik terkemuka negara antaranya bekas olahragawan Tan Sri Dr M Jegathesan dan bintang bola sepak, Bakri Ibni.

Majlis dirasmikan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Gan Ping Shou.

Sementara itu, Jagan berkata, beliau melihat generasi muda masa kini lebih banyak meluangkan masa ber-



"Saya melihat cara ini lebih efektif kerana mereka (murid dan pelajar) dapat merasai keseronokan bersukan menerusi foto yang dipamerkan"

>Bakri Ibni

sukan di alam maya yakni permainan sukan menerusi komputer yang mengakibatkan kesan buruk untuk jangka masa panjang.

Pendapat beliau disokong Bakri yang mengharapkan pameran seumpama itu dapat dianjurkan di sekolah dalam usaha memupuk minat bersukan di kalangan murid dan pelajar.

"Saya melihat cara ini lebih efektif kerana mereka (murid dan pelajar) dapat merasai keseronokan bersukan menerusi foto yang dipamerkan. Merekalah yang akan menjadi pelapis kepada atlet sekarang," katanya.

Antara foto yang terdapat di pameran berkenaan termasuk saat atlet renang, Nurul Huda Abdullah menyertai acara renang bebas di Olimpik Seoul 1988.